

VIRUS KORONA



Ukuran-ukuran tersebut boleh membantu untuk menentukan

Penyelidik NTU, A*Star cipta pelitup bijak boleh kesan gejala COVID-19

10/9/2020 20:18 Update: 10/9/2020 21:03



KONGSI ARTIKEL



SINGAPURA: Para penyelidik di negara ini menemui cara untuk mengubah pelitup biasa menjadi pelitup bijak yang boleh mengesan gejala COVID-19.

Ciptaan mereka itu menggunakan sensor untuk memantau tanda-tanda penting seperti kadar denyutan jantung dan suhu badan dalam masa nyata.

Kos menghasilkannya mungkin kurang S\$20 pada masa depan.

Pelitup bijak itu mempunyai empat sensor yang mengukur kandungan oksigen darah, kadar denyut jantung, tekanan darah dan suhu badan.

Data-data itu boleh dipantau menggunakan aplikasi mudah alih pada telefon bijak menerusi isyarat Bluetooth.

Ukuran-ukuran tersebut boleh membantu untuk menentukan sama ada pemakainya mempunyai gejala virus korona, seperti COVID-19.

Ini bermakna seseorang jururawat boleh memantau pesakit tanpa berada di sampingnya kerana sistem ini membolehkan pemantauan tanpa wayar dan data dimuat naik ke simpanan 'cloud'.

Sensor-sensor itu juga boleh digunakan semula kerana dimasukkan ke dalam bahan yang anjal dan kalis air supaya selesa dipakai.

Pasukan dari Universiti Teknologi Nanyang dan A*STAR sedang menjalankan ujian bagi memastikan daya tahan dan ketepatannya.

Pada masa ini, prototaip pelitup bijak itu dihasilkan dengan belanja S\$50 sekeping.

- CNA/ZK/ha